

<p><b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini sebelum anda membuat keputusan untuk membuka Akaun Deposit-i Berjangka CBP.</p> <p>Pastikan anda juga membaca terma dan syarat bagi produk ini.</p>	 <p><b>AKAUN DEPOSIT-i BERJANGKA CBP</b></p> <p>Tarikh: (Untuk diisi oleh Staf Jualan/Cawangan)</p>						
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p> <p>Akaun Deposit-i Berjangka (DiB) adalah produk deposit bertempoh dengan kadar keuntungan tetap. Akaun (DiB) ini terbuka kepada pelanggan Runcit dan Korporat yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Co-opbank Pertama (CBP). Berikut adalah jenis pelanggan bagi produk ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu perseorangan</li> <li>• Jabatan kerajaan</li> <li>• Badan-badan berkanun</li> <li>• Syarikat-syarikat berkaitan kerajaan</li> <li>• Syarikat-syarikat korporat yang diperbadankan di Malaysia dan berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia</li> <li>• Kelab, perkongsian atau pertubuhan yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia</li> <li>• Entiti-entiti perniagaan</li> </ul>							
<p><b>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kontrak Syariah yang terpakai ialah Murabahah di bawah pengaturan konsep Tawarruq atau komoditi Murabahah yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urusniaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lani (spot).</li> <li>• Dalam produk ini, Pelanggan yang diwakili oleh CBP sebagai wakil akan terlebih dahulu membeli komoditi dengan harga kos daripada pembekal komoditi menggunakan amaun yang didepositkan oleh pelanggan ke dalam Akaun DiB. Seterusnya, pelanggan dan CBP hendaklah memasuki kontrak Bai' Murabahah yang mana komoditi tersebut akan dijual oleh pelanggan melalui wakil kepada CBP pada harga jualan yang dipersetujui dengan harga secara tertangguh sehingga suatu tarikh matang yang ditetapkan. Hak pemilikan ke atas komoditi berpindah milik kepada CBP dan memberikan hak kepada CBP untuk menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai untuk tunai tersebut digunakan oleh CBP bagi tujuan-tujuan yang patuh Syariah.</li> <li>• Jenis komoditi yang digunakan adalah komoditi (bukan ribawi) yang ditawarkan oleh komoditi platform yang disahkan patuh Syariah oleh Penasihat Syariah platform dan CBP.</li> </ul>							
<p><b>3. Apakah yang saya dapat dari produk ini?</b></p> <table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 15%;"><b>Deposit Minima</b></td> <td>RM1,000 per transaksi</td> </tr> <tr> <td><b>Tempoh Deposit</b></td> <td>1,3,6,9,12,15,18,24,36,48 dan 60 bulan</td> </tr> <tr> <td><b>Keuntungan</b></td> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar keuntungan ditetapkan semasa pembukaan dan peletakan deposit manakala pembaharuan secara automatik berdasarkan kadar keuntungan semasa CBP seperti yang dipaparkan di cawangan-cawangan dari semasa ke semasa.</li> <li>• Formula pengiraan keuntungan adalah seperti berikut:           <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 5px;"> <math display="block">\text{Prinsipal (RM)} \times \text{Kadar Keuntungan (\%)} \times * \text{Tempoh (dalam hari)} / 365 \text{ hari}</math> </div> <small>*Runcit: tempoh dikira dari tarikh deposit hingga matang, menggunakan kiraan hari semalam (overnight)</small> <small>*Korporat: tempoh dikira menggunakan bilangan hari sebenar, dari tarikh deposit hingga matang</small> </li> <li>• Bagi pelanggan runcit, pembayaran keuntungan adalah secara bulanan atau pada tempoh matang manakala bagi pelanggan korporat, pembayaran keuntungan adalah secara setengah tahunan atau tahunan (bagi deposit bertempoh melebihi satu tahun) atau pada tempoh matang</li> </ul> </td> </tr> </table>		<b>Deposit Minima</b>	RM1,000 per transaksi	<b>Tempoh Deposit</b>	1,3,6,9,12,15,18,24,36,48 dan 60 bulan	<b>Keuntungan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar keuntungan ditetapkan semasa pembukaan dan peletakan deposit manakala pembaharuan secara automatik berdasarkan kadar keuntungan semasa CBP seperti yang dipaparkan di cawangan-cawangan dari semasa ke semasa.</li> <li>• Formula pengiraan keuntungan adalah seperti berikut:           <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 5px;"> <math display="block">\text{Prinsipal (RM)} \times \text{Kadar Keuntungan (\%)} \times * \text{Tempoh (dalam hari)} / 365 \text{ hari}</math> </div> <small>*Runcit: tempoh dikira dari tarikh deposit hingga matang, menggunakan kiraan hari semalam (overnight)</small> <small>*Korporat: tempoh dikira menggunakan bilangan hari sebenar, dari tarikh deposit hingga matang</small> </li> <li>• Bagi pelanggan runcit, pembayaran keuntungan adalah secara bulanan atau pada tempoh matang manakala bagi pelanggan korporat, pembayaran keuntungan adalah secara setengah tahunan atau tahunan (bagi deposit bertempoh melebihi satu tahun) atau pada tempoh matang</li> </ul>
<b>Deposit Minima</b>	RM1,000 per transaksi						
<b>Tempoh Deposit</b>	1,3,6,9,12,15,18,24,36,48 dan 60 bulan						
<b>Keuntungan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar keuntungan ditetapkan semasa pembukaan dan peletakan deposit manakala pembaharuan secara automatik berdasarkan kadar keuntungan semasa CBP seperti yang dipaparkan di cawangan-cawangan dari semasa ke semasa.</li> <li>• Formula pengiraan keuntungan adalah seperti berikut:           <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 5px;"> <math display="block">\text{Prinsipal (RM)} \times \text{Kadar Keuntungan (\%)} \times * \text{Tempoh (dalam hari)} / 365 \text{ hari}</math> </div> <small>*Runcit: tempoh dikira dari tarikh deposit hingga matang, menggunakan kiraan hari semalam (overnight)</small> <small>*Korporat: tempoh dikira menggunakan bilangan hari sebenar, dari tarikh deposit hingga matang</small> </li> <li>• Bagi pelanggan runcit, pembayaran keuntungan adalah secara bulanan atau pada tempoh matang manakala bagi pelanggan korporat, pembayaran keuntungan adalah secara setengah tahunan atau tahunan (bagi deposit bertempoh melebihi satu tahun) atau pada tempoh matang</li> </ul>						

#### 4. Apakah syarat-syarat utama mengenai produk ini yang perlu saya ketahui?

Pembukaan akaun	<ul style="list-style-type: none"><li>Akaun boleh dibuka di mana-mana cawangan CBP atau kakitangan Jabatan Pelaburan dan Perbendaharaan (JPP) yang dibenarkan.</li></ul>
Pembaharuan automatik	<ul style="list-style-type: none"><li>Akaun akan diperbaharui secara automatik setelah tempoh matang.</li></ul>
Pengeluaran pramatang	<ul style="list-style-type: none"><li>Notis pemakluman berkenaan pengeluaran pra-matang diperolehi dalam tempoh dua (2) hari bekerja sebelum tarikh pengeluaran; dan</li><li>Tiada sebarang pembayaran keuntungan diberikan ke atas pengeluaran pramatang yang dibuat seperti mana ketetapan dalam Nota Kontrak Murabahah yang telah dipersetujui oleh Pelanggan.</li></ul>
Akta Wang Tak Dituntut 1965	<ul style="list-style-type: none"><li>Mana-mana baki kredit yang ada di dalam Akaun DiB yang tidak beroperasi selama tujuh (7) tahun atau lebih akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut (UMA) 1965.</li></ul>

#### 5. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

- Sijil DiB yang asal hendaklah disimpan di tempat yang selamat pada setiap masa. Jika pelanggan kehilangan sijil DiB, pelanggan perlu menyediakan surat akuan sumpah dan kos penyediaan surat tersebut akan ditanggung oleh pelanggan (jika berkenaan).

#### 6. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

- CBP bukan merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Oleh itu, deposit ini tidak dilindungi oleh PIDM.

#### 7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi saya?

- Anda perlu menghubungi CBP dengan kadar segera jika terdapat perubahan terhadap maklumat peribadi anda bagi memastikan sebarang komunikasi dan surat-menyurat dapat dihantar tepat pada masanya.
- Sila hubungi Pusat Panggilan di talian 1-300-88-7650 atau kunjungi mana-mana cawangan CBP untuk mengemaskinikan maklumat peribadi dari semasa ke semasa.

#### 8. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya pelanggan memerlukan maklumat lanjut sila rujuk terma dan syarat produk atau layari [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my).
- Untuk sebarang cadangan atau pertanyaan sila hubungi:  
**Pusat Panggilan CBP**  
Talian : 1-300-88-7650  
Hari Operasi : Isnin hingga Jumaat  
Waktu Operasi : 8:30 pagi hingga 5.30 petang
- Untuk sebarang aduan sila hubungi kami di:  
**Hotline:** 1-300-88-7650  
**Alamat:** Jabatan Strategi dan Komunikasi Korporat, Co-opBank Pertama, Tingkat 7, Wisma JCBNEXT, 27 Lorong Medan Tuanku 1,Off Jalan Sultan Ismail, 50300 Kuala Lumpur  
**E-mel:** [info@cbp.com.my](mailto:info@cbp.com.my)
- Sekiranya CBP tidak dapat menyelesaikan aduan tersebut, Pelanggan boleh merujuk selanjutnya kepada:  
**Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)**  
Bahagian Penyiasatan & Penguatkuasaan,  
Tingkat 10 ,Sunway Putra Tower,  
100 Jalan Putra,50350 Kuala Lumpur.  
Laman web: [www.skm.gov.my](http://www.skm.gov.my)  
Tel: 03-40474000  
Faks:03-40474116  
Atau Sistem Aplikasi Online Aduan Koperasi:<http://apponline.skm.gov.my>

**9. Lain-lain produk deposit berjangka yang ditawarkan?**

- Tiada.

Saya dengan ini memperakukan telah menerima, membaca dan memahami penjelasan yang diberikan melalui Lembaran Pendedahan Produk ini.

.....

Nama Pelanggan:

No. Dokumen Pengenalan:

Tarikh: